# Pemuzik Peru turut warnai Konsert Seni Diraja 2013

um/3.6.13/27/1/D/ps - Konsert Seni Diraja 2013



TUANKU Syed Sirajuddin Putra Jamalullail dan Tuanku Tengku Fauziah Tengku Abdul Rashid memotong kek Ulang Tahun Hari Keputeraan Raja Perlis Ke-70 sambil diperhatikan oleh Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail (dua dari kiri) dan Tuanku Lailatul Shahreen Akashah Khalil (kanan) serta Kamaruddin Hussin di Dewan 2020, Kangar, Perlis, malam semalam.

KANGAR 2 Jun - Konsert Seni Diraja 2013 sempena Sambutan Ulang Tahun Ke-70 Keputeraan Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail di sini malam tadi diserikan dengan persembahan artis tempatan dan luar negara.

Tuanku Syed Sirajuddin dan Raja Perempuan Perlis, Tuanku Tengku Fauziah Tengku Abdul Rashid berangkat menyaksikan konsert yang berslogan 'Raja Ditaati, Rakyat Dirahmati, Negeri Disanjungi' itu yang berlangsung di Dewan 2020, Persiaran Wawasan Kangar.

Konsert anjuran Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) itu turut mengundang dua pemuzik ternama.

Mereka ialah Manuel Eliseo dari Peru manakala seorang lagi ialah rakyat Malaysia lulusan sebuah universiti muzik di Moscow, Rusia iaitu Kenneth Teh yang menunjukkan persembahan menghiburkan.

Turut berangkat ke majlis itu ialah Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail yang juga Canselor UniMAP dan Raja Puan Muda Perlis, Tuanku Lailatul Shahreen Akashah Khalil.

Hadir sama menyaksikan konsert berkenaan ialah Pengerusi Lembaga Pengarah UniMAP, Prof. Emeritus Datuk Dr. Zainai Mohamed dan Naib Canselor UniMAP, Prof. Datuk Dr. Kamarudin Hussin. - BERNAMA